

RM40 juta diperlukan untuk naik taraf Sungai Bertam

KUALA LUMPUR 6 Nov. - Peruntukan sebanyak RM40 juta diperlukan bagi menaik taraf Sungai Bertam, Cameron Highlands bagi mengelakkan kejadian banjir kilat dan tanah runtuh daripada berulang pada masa akan datang.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar yang juga Ahli Parlimen Cameron Highlands, Datuk Seri G. Palanivel berkata, peruntukan itu diperlukan untuk mendalamkan kawasan sungai tersebut serta meningkatkan pembangunan infrastruktur di kawasan yang terjejas.

"Sebelum ini apabila Lembah Bertam banjir, kerajaan sudah meluluskan peruntukan sebanyak RM40 juta. Sekarang, kita memohon sejumlah peruntukan lagi bagi menaik taraf kawasan terbabit.



G. PALANIVEL

"Saya sudah menulis surat kepada Perdana Menteri untuk minta peruntukan tambahan tersebut," katanya ketika ditemui di Lobi Par-

limen, hari ini.

Semalam, penduduk di tebing Sungai Bertam diarahkan berpindah apabila air Empangan Sultan Abu Bakar dilepaskan secara berperingkat ekoran parasnya yang semakin meningkat akibat hujan lebat.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kejadian banjir kilat dan tanah runtuh itu berlaku disebabkan keadaan cuaca yang tidak menentu di Cameron Highlands.

Tambahnya, beliau telah melakukan tinjauan di kawasan berkenaan bagi melihat perkembangan penduduk.

"Saya akan kembali semula ke sana esok. Saya juga sudah berbin-cang dengan pegawai daerah dan polis bagi mengatasi masalah ini," jelasnya.